

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 NOVEMBER 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pencerobohan siber berleluasa	Metro Ahad
2.	Semua pihak perlu terima keputusan kajian vape	Berita Harian
3.	UMP dianugerah status autonomi	Berita Harian
4.	UMP dianugerah status autonomi	Mingguan Malaysia
5.	Angin kencang timur laut di perairan Labuan dijangka berterusan sehingga Isnin	BERNAMA
6.	JBPM pertingkat latihan dan persiapan hadapi musim tengkujuh	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 36
TARIKH : 29 NOVEMBER 2015 (AHAD)

Pencerobohan siber berleluasa



Oleh Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kecanggihan teknologi yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa selain di dorong pertambahan orang awam yang menggunakan Internet setiap saat menjadikan ancaman jenayah siber perlu dilihat dalam skop yang lebih luas dan serius.

Mengikut statistik dieluarkan Cyber Security Malaysia, sepanjang 10 bulan pertama tahun ini, antara perkara yang banyak dilaporkan pengguna di negara ini ialah pence robohan, penipuan, spam, gangguan siber dan penafian perkhidmatan.

Menurut jurucakap Cyber Security Malaysia, spam merekodkan jumlah tertinggi mulai Januari sehingga Oktober lalu dengan 3,453 aduan berbanding 2,381 kes bagi tempoh yang

■ Spam rekod jumlah tertinggi dengan 3,453 aduan

sama tahun lalu.

Katanya, penipuan siber berada di tangga kedua tertinggi dengan 2,729 laporan yang majoritinya membabitkan pengguna pelbagai laman sosial termasuk Facebook(FB), Twitter dan Instagram.

"Bagaimanapun, trend membabitkan jenayah terbaik menunjukkan penurunan berbanding tempoh sama tahun lalu dengan merekodkan sebanyak 3,692 aduan.

"Ia membuktikan pelbagai inisiatif kerajaan meningkatkan kesedaran pengguna laman sosial sejak beberapa tahun ini mula membawa hasil," katanya.

Namun, kegiatan pence robohan siber masih berleluasa dan menunjukkan peningkatan ketara iaitu 1,468 aduan dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini berbanding 813 kes pada tahun lalu.

Antara aduan lain yang direkodkan agensi di bawah Kementerian Sains, Tekno



logi dan Inovasi (MOSTI) itu sepanjang Januari hingga Oktober lalu ialah kod berbahaya (522), gangguan siber (369), percubaan men ceroboh (184) serta penafian perkhidmatan sebanyak 33 kes.

Sementara itu, kerajaan mewujudkan beberapa langkah termasuk Program Klik Dengan Bijak' oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sejak beberapa tahun kebelakangan ini seiring dengan perkembangan arus teknologi semasa.

Ia tidak lain bagi meningkatkan kesedaran dan membudayakan pengguna Internet dalam kalan gungan masyarakat negara ini dengan lebih positif serta berhemah.

Selain itu, kerjasama erat bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga diperlukan bagi mengawasi kemudahan teknologi itu tidak disalah guna segelintir pihak tidak bertanggungjawab untuk kepentingan diri sendiri dan memberi kesan negatif kepada pihak lain.

Semua pihak perlu terima keputusan kajian vape

» Kementerian mahu pastikan penggunaan patuhi standard antarabangsa

Oleh Nor Raidah Awang
bhnews@bh.com.my

► Selama

Semua pihak perlu menerima keputusan kajian mengenai vape yang kini dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan dan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata kajian khusus itu mengenai penggunaan peranti dan perisa untuk vape bagi memastikan penggunaan alat itu di negara ini mematuhi standard antarabangsa dan prosedur serta kriteria yang bakal ditetapkan nanti.

"Ketika ini, Malaysia tidak mempunyai standard yang bo-



Hamzah memandikan kanak-kanak ketika Program Berkhatan Perdana Parliment Larut, semalam.

[NOR RAIDAH AWANG/BH]

leh diguna pakai terhadap penggunaan peranti dan perisa untuk vape.

"Kita berharap keputusan yang dibuat nanti berdasarkan kajian itu boleh diterima oleh semua pihak dan isu ini tidak timbul lagi selepas keputusan diumumkan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Program Majlis Berkhatan Perdana Parliment Larut di Hospital Selama di sini, semalam.

Semalam, BH menyiarkan kenyataan mufti dan tokoh agama yang menyarankan kerajaan mengharamkan vape sejajar dengan keputusan jawatankuasa fatwa beberapa negeri yang memutuskan hukum menghisap vape adalah haram kerana memudaratkan diri dan pembaziran.

Pelbagai pendapat

Hamzah berkata ada pelbagai pendapat mengenai penggu-

naan vape termasuk ada yang menyatakan ia boleh merosakkan kesihatan manakala ada pihak pula mendakwa ia boleh mengurangkan tabiat merokok.

Beliau berkata, pihaknya bagaimanapun lebih menumpukan usaha untuk memperkenalkan standard atau piawai khas bagi penggunaan vape yang dibuat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan SIRIM.



“Pemberian status autonomi bakal membuka peluang kepada UMP untuk terus berdaya saing dan berinovasi bagi melahirkan suasana pembelajaran kondusif dan melonjakkan kecemerlangan”

Daing Nasir Ibrahim,
Naib Canselor UMP

» Anugerah selepas 13 tahun operasi lonjak kecemerlangan universiti

Oleh Abdul Razak Raaff
raaffar@bh.com.my

► Pekan

Selepas 13 tahun beroperasi, Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperoleh status autonomi bagi membolehkan pengurusan universiti awam itu bergerak dengan lebih berkesan untuk mencapai agenda kecemerlangan.

Penganugerahan status itu akan disempurnakan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh kepada Pengurusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib, hari ini.

Majlis itu bersempena perasmian kampus utama dan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) yang akan dirasmikan Perdana

UMP dianugerah status autonomi



Kompleks Pentadbiran Utama menjadi mercu tanda pembangunan UMP di Pekan.

Menteri, Datuk Seri Najib Razak di kampus UMP Pekan, di sini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata status autonomi itu merangkumi empat bidang utama iaitu tadbir urus institusi, tadbir urus kewangan, tadbir urus sumber manusia dan tadbir urus akademik dengan menggunakan pakai Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik (CUGG) dan Indeks Tadbir Urus Universiti Terbaik (UGGI).

Autonomi membawa maklud penurunan kuasa daripada agensi pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dengan tujuan membolehkan universiti bergerak dengan berkesan mencapai agenda kecemerlangan.

LPU prasyarat penting
Katanya, LPU adalah prasyarat penting untuk mewujudkan persekitaran kampus yang dinamik melalui pengurusan institusi pengajian tinggi awam yang lebih berdaya saing berteraskan integriti dan akauntabiliti yang tinggi dan perlu dipatuhi oleh pihak pentadbiran universiti.

Pemberian status autonomi bakal membuka peluang kepada UMP untuk terus ber-

daya saing dan berinovasi bagi melahirkan suasana pembelajaran kondusif dan melonjakkan kecemerlangan dalam merasasikan Pelan Strategik UMP (2016-2020) dengan bertemakan menjana kegembiraan.

“Malah, ia juga akan menjadikan universiti ini lebih kreatif, terpimpin, berdikari serta bebas mencorak hala tuju untuk terus bersaing di pentas global,” katanya.

R&D dalam 11 industri

Selain merasmikan kampus UMP Pekan, Perdana Menteri juga akan menyaksikan pertukaran dokumen MoU dan perjanjian kerjasama strategik dalam bidang kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) membabitkan 11 industri termasuk SEDIA Corporation, Evolva SA dari Switzerland, Johor Corporation Berhad (JCorp), Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), Ranhill Utilities Sdn Bhd dan IMASPRO Resources Sdn Bhd.

Dalam perkembangan lain, UMP, semalam, menandatangani MoU dengan Yayasan Sabah dalam bidang pembangunan akademik, yang membabitkan tiga aspek utama iaitu penubuhan pusat asasi, pena-

waran biasiswa dan penyerahan felo yayasan itu untuk menjadi staf akademik di universiti.

Menerusi penubuhan Pusat Asasi di Kolej Yayasan Sabah, UMP dapat mempertimbangkan calon yang disyorkan Yayasan Sabah untuk daftarkan ke program pengajian prasiswazah khususnya tiga program kejuruteraan dari Universiti Sains Gunan Karlsruhe (HSKA) Jerman dalam program dwi-ijazah.

Ia membabitkan Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan di Fakulti Pengurusan Industri, Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Automotif Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

“Kita menghargai komitmen Yayasan Sabah mempertimbangkan tajaan biasiswa pelajar cemerlang yang memenuhi kriteria kelayakan dan ditawarkan melanjutkan pengajian pada peringkat prasiswazah di UMP,” katanya.

MoU ditandatangani Daing Nasir dan Dekan Fakulti Pengurusan Industri, Dr Mohd Ridzuan Darun bagi mewakili UPM, manakala Yayasan Sabah diwakili Pengaruhnya, Datuk Sapawi Ahmad dan Ketua Eksekutif Kolej Yayasan Sabah, Datin Tarsiah T Z Zaman.

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 29 NOVEMBER 2015 (AHAD)



DR. DAING NASIR IBRAHIM

UMP dianugerah status autonomi

KUANTAN 28 NOV. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dianugerahkan status autonomi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi yang membolehkan universiti tersebut bergerak dengan lebih berkesan dalam mencapai agenda kecemerlangannya.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganugerahan berkenaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan

samaan empat bidang utama iaitu tadbir urus institusi, kewangan, sumber manusia dan akademik dengan menggunakan Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik (CUGG) serta Indeks Tadbir Urus Universiti Terbaik (UGGI).

"Autonomi membawa maksud penurunan kuasa daripada agensi pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bagi membolehkan universiti bergerak dengan berke-

san mencapai agenda kecemerlangan.

"LPU merupakan prasyarat penting bagi mewujudkan persekitaran kampus dinamik menerusi pengurusan institusi pengajian tinggi awam yang lebih berdaya saing berteraskan integriti dan akauntabiliti tinggi serta perlu dipatuhi oleh pentadbiran universiti," katanya di sini hari ini.

Penganugerahan status autono-

mi berkenaan akan disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh kepada Pengurus Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd. Hilmey Mohd. Taib sempena majlis perasmian kampus utama universiti itu di Pekan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak esok.

Turut dijadual berlangsung acara pertukaran dokumen memorandum persefahaman dan per-

janjian melibatkan 11 industri bagi menjalinkan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang. Antara yang terlibat, Sedia Corporation, Evolva SA, Majlis Amanah Rakyat (Mara), Johor Corporation Berhad (JCorp), Cosway (M) Sdn. Bhd., Yayasan Sabah, Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), Jabatan Kerja Raya (JKR), Ranhill Utilities Sdn. Bhd, Imaspro Resources Sdn. Bhd. dan Gaya Naturals Sdn. Bhd.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM

TARIKH: 29 NOVEMBER 2015 (AHAD)



Angin Kencang Timur Laut Di Perairan Labuan Dijangka Berterusan Sehingga Isnin

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut yang sedang melanda kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South dan Labuan dijangka berterusan sehingga Isnin.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak ketinggian 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Kenyataan itu berkata keadaan yang sama juga berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sabah (Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman) dan Sarawak.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 29 NOVEMBER 2015 (AHAD)



JBPM Pertingkat Latihan Dan Persiapan Hadapi Musim Tengkujuh

Oleh Muhammad Afiq Mohd Asri dan Mohd Ashraf Syafiq Mazlan

PUTRAJAYA, 29 Nov (Bernama) -- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mempertingkatkan latihan dan persiapan dalam usaha menghadapi musim tengkujuh yang dijangka melanda pada hujung tahun ini khususnya di negeri Pantai Timur.

Antara persiapan yang dibuat JBPM adalah memastikan peralatan kerja menyelamat musim banjir seperti pelampung dan jaket keselamatan berfungsi dengan baik, mempertingkatkan modul latihan khusus berkaitan banjir kepada anggota serta mengadakan mesyuarat koordinasi bersama agensi keselamatan yang lain di peringkat negeri dan daerah.

Ketua Pengarah JBPM Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata ekoran itu beberapa siri latihan telah dibuat bagi memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran kepada pegawai serta anggota JBPM di seluruh negara ketika berdepan situasi sebenar.

Katanya antara latihan yang diberi tumpuan adalah cara menyelamat di dalam air, mengendalikan bot dengan betul serta memberi pertolongan cemas yang secara tidak langsung akan menilai ketahanan diri dan keupayaan anggota menghadapi situasi yang sukar.

"Pada setiap tahun ketika menghampiri musim tengkujuh, menjadi kelaziman JBPM untuk menghadapi musim banjir khususnya di Pantai Timur dan saya telah mengeluarkan arahan kepada balai JBPM negeri di seluruh negara untuk membuat persiapan awal bagi menghadapi musim itu," katanya ketika ditemui Bernama di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini.

Wan Mohd Nor berkata kebiasaannya pada setiap hujung tahun ini JBPM mengikuti dengan serius ramalan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia untuk mengetahui secara kasar keadaan atau ramalan cuaca.

"Saya juga mengharapkan daripada agensi keselamatan yang lain antaranya Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Keselamatan Negara agar bersiap sedia menghadapi musim itu kerana bomba merasakan tanggungjawab menyelamat ini tidak terletak semata-mata pada bahu bomba.

"Eksesais dan tindak balas bersama yang dilakukan bersama agensi keselamatan lain dapat dikoordinasikan sekiranya ada masalah mereka akan bantu mana yang kurang dan menggerakkan bantuan ke tempat lain," katanya.

Pada masa sama, masyarakat juga perlu diberi kesedaran mengenai persiapan banjir dengan memberi penerangan sekiranya tempat tinggal mereka mudah dilanda banjir.

"Melalui penerangan yang dibuat oleh agensi berkaitan, mereka (masyarakat) tahu apa yang perlu dibuat ketika menghadapi banjir dan apabila diminta berpindah oleh pihak berkuasa, mereka dapat bertindak dengan pantas dan dapat menyelamatkan barang berharga," katanya.

Wan Mohd Nor berkata antara aspek penting adalah pengurusan komuniti ketika bencana banjir yang perlu diperkemaskan lagi dan memerlukan satu mekanisme pengurusan bencana secara bersepadu.

Berikutan itu, JBPM juga mempunyai tempat simpanan aset-aset menyelamat di Wakaf Tapai, Terengganu yang dijadikan sebagai pusat gerakan logistik Pantai Timur.

"JBPM mempunyai aset yang mencukupi seperti bot aluminium sebanyak 608 buah, bot Fiber (63), bot kevlar (16) dan bot amfibia (11) di seluruh negara dan bomba akan menggerakkan aset berkenaan ke negeri-negeri lain sekiranya keadaan memerlukan," katanya.

Ditanya sama ada JBPM akan membekukan cuti anggota dan pegawai untuk menghadapi musim tengkujuh, Wan Mohd Nor berkata belum ada keperluan lagi.

"JBPM hanya akan membekukan cuti anggota dan pegawai apabila keadaan berubah kepada 'red alert'," katanya.

-- BERNAMA